

# Pemeriksaan teliti sekatan jalan raya di KL, Putrajaya

**Polis pastikan individu diperiksa ada surat kebenaran**

Oleh Faris Fuad

faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis akan melakukan pemeriksaan teliti di 13 sekatan jalan raya sekitar ibu negara dan Putrajaya susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang lebih ketat bermula hari ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim, berkata jumlah sekatan jalan raya kekal sembilan lokasi di Kuala Lumpur dan empat di Putrajaya, namun polis akan melakukan pemeriksaan teliti di setiap sekatan itu selaras arahan baharu memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) PKP.

Antara sekatan itu ialah di Jalan Sentul Pasar, di hadapan Balai Polis Kepong; Lebuhraya Persekutuan hala ke ibu negara; Jalan Klang Lama; Jalan 2/27A Wangsa Melawati dan Jalan 1/91 Taman Shamelin Perkasa.

“Sebelum ini, kami ada memberi kelonggaran dan pemerik-



Anggota polis memeriksa dokumen perjalanan pada sekatan jalan raya di Plaza Tol Sungai Besi, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

saan mungkin tidak begitu ketat, tetapi kali ini pemeriksaan akan dilakukan dengan teliti termasuk memastikan individu diperiksa mempunyai surat kebenaran,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Yong Lei Choo dan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah.

Jumaat lalu, kerajaan mengumumkan keputusan mengetarkan SOP PKP dengan kebanyakan aktiviti perniagaan hanya dibenarkan daripada jam 8 pagi hingga 8 malam saja mulai hari

ini, selain pemeriksaan sekatan jalan raya lebih ketat selepas jam 8 malam.

Mengulas dua lokasi di Kuala Lumpur iaitu Kampung Batu Muda Tambahan dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau dekat Lembah Pantai dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Azmi berkata, pihaknya akan membantu Kementerian Kesihatan (KKM) daripada aspek keselamatan.

“Polis akan bantu Jabatan Kelembagaan Masyarakat (JKM) berhubung agihan keperluan makanan kepada penduduk. Kami berharap warga Kuala Lumpur mengambil

berat pematuhan SOP supaya tiada lagi kawasan di ibu negara dikenakan PKPD,” katanya.

Sementara itu dalam perkembangan lain, Azmi berkata, pihaknya dalam proses melengkapkan kertas siasatan kes rogol dikaitkan dengan rakan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dijangka diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya minggu ini.

“Kita sudah panggil ramai saksi untuk diambil keterangan berhubung kes ini. Polis berharap kertas siasatan kes itu dapat dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat,” katanya.